

PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA UNTUK PRINCIPAL FTSE CHINA 50 ETF

Pengurus : **Principal Asset Management Berhad** (199401018399 (304078-K))

Pemegang Amanah : **Deutsche Trustees Malaysia Berhad** (200701005591 (763590-H))

Prospektus Tambahan Pertama ini bertarikh 28 Julai 2023 dan hendaklah dibaca bersama Prospektus Terbitan No. 2 untuk Principal FTSE China 50 ETF yang bertarikh 30 September 2019 (“Prospektus”).

Dana ini telah dibentuk pada 19 April 2010.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaraian dan sebut harga untuk Unit-unit Principal FTSE China 50 ETF di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Pertama ini tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana ini atau bertanggungjawab untuk ketepatan sebarang kenyataan yang dibuat, pendapat yang dinyatakan atau laporan yang terkandung di dalam Prospektus atau Prospektus Tambahan pertama ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, di dalam apa jua cara, menimbangkan merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pendedahan yang tidak dibuat oleh Pengurus yang bertanggungjawab ke atas Dana ini dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kandungan di dalam Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak mewakili sebarang ketepatan atau kesempurnaan maklumat terkandung di dalamnya, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti terhadap kerugian yang mungkin anda tanggung yang terbit daripada atau bersandarkan kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian Prospektus Tambahan Pertama ini.

Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak sepatutnya diambil sebagai indikasi mengenai merit kepada tawaran, Dana atau Unitnya.

PELABUR DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN PROSPEKTUS DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI. JIKA TERDAPAT SEBARANG KERAGUAN, SILA DAPATKAN KHIDMAT NASIHAT PROFESIONAL

UNTUK MAKLUMAT BERKENAAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO TERTENTU YANG PERLU DIAMBIL KIRA OLEH BAKAL PELABUR, SILA LIHAT “FAKTOR RISIKO” YANG BERMULA DI HALAMAN 8 PROSPEKTUS DAN HALAMAN 3 PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Para pengarah Principal Asset Management Berhad telah menyemak dan meluluskan Prospektus Tambahan Pertama ini. Mereka telah secara kolektif dan berasingan, menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi ketepatan maklumat. Setelah membuat semua siasatan yang munasabah, dan berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang jika ditinggalkan, yang boleh menjadikan sebarang kenyataan di dalam Prospektus Tambahan Pertama ini menjadi palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN TAMBAHAN

Anda adalah dimaklumkan bahawa anda boleh mendapatkan bantuan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ke atas pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk sebarang kenyataan di dalam Prospektus Tambahan Pertama yang didapati palsu, mengelirukan, atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau bagi apa-apa perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan berkaitan dengan Prospektus Tambahan Pertama atau kelakuan mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan Dana.

Sekuriti yang disenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad ditawarkan kepada masyarakat awam berdasarkan pendedahan yang lengkap dan tepat berhubung kesemua maklumat material yang berkaitan dengan terbitan yang mana sesiapa yang dinyatakan di dalam Bahagian 236 *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007*, seperti pengarah dan penasihat, adalah bertanggungjawab ke atasnya.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

1.0. AM

- 1.1 Prospektus Tambahan Pertama ini diterbitkan untuk mencerminkan pindaan yang dibuat kepada prospektus yang dinyatakan dalam perenggan 1.4, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan 11 di bawah.
- 1.2 Semua teram yang digunakan di dalam Prospektus Tambahan Pertama ini mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan pada Bab Definisi di dalam prospektus melainkan di mana konteks memerlukan sebaliknya.
- 1.3 Semua maklumat yang disediakan di sini adalah boleh dilaksanakan setakat 31 Mei 2023 dan akan kekal sebagai semasa dan relevan setakat tarikh tersebut.
- 1.4 Semua rujukan kepada Principal Asset Management Berhad (*dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad*) di dalam prospektus akan dipinda kepada "Principal Asset Management Berhad".

2.0. DEFINISI

- 2.1. Definisi "Pasaran Layak" telah ditambah kepada bahagian "**Definisi**" pada halaman viii dan dibaca seperti berikut:

Pasaran Layak : Sebuah bursa, pasaran sekuriti kerajaan atau pasaran melalui-kaunter yang di kawal selia oleh pihak berkuasa kawal selia dalam bidang kuasa tersebut, yang dibuka kepada awam atau kepada sebahagian besar peserta pasaran, dan di mana instrumen kewangan biasanya didagangkan.

3.0. DIREKTORI KORPORAT

- 3.1. Maklumat berikut telah ditambah kepada maklumat korporat mengenai "**Pengurus**" pada halaman xiii dan dibaca seperti di bawah:

Pusat Khidmat Pelanggan : Aras Bawah Bangunan CIMB
Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur Malaysia
Tel: (603) 7723 7260
Faks: (603) 7718 3003
Whatsapp : (6016) 299 9792

4.0. RINGKASAN MAKLUMAT

- 4.1. Perenggan pertama di bawah bahagian "**Maklumat Lain**" pada halaman 7 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Berhubung dengan Dana, Pengurus dan Pemegang Amanah telah memeterai Surat Ikatan yang merangkumi surat ikatan induk bertarikh 19 April 2010, seperti dipinda oleh surat ikat tambahan 8 Disember 2010, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 30 Julai 2014, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 2 Ogos 2019 dan surat ikatan tambahan keempat bertarikh 31 Mei 2023. Peruntukan yang terkandung di sini adalah dan akan saling mengikat ke atas setiap Pemegang Unit selagi Pemegang Unit tersebut didaftarkan sebagai orang yang memegang Unit menurut Surat Ikatan.

- 4.2. Perenggan ketujuh di bawah bahagian "**Maklumat Lain**" pada halaman 7 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di bawah bahagian "Direktori Korporat" atau e-mel kami di service@principal.com.my. Pusat Khidmat Pelanggan kami dibuka dari 8:45 a.m. hingga 5:45 p.m. (waktu Malaysia) pada hari Isnin hingga Jumaat.

- 4.3. Perenggan kelapan di bawah bahagian "**Maklumat Lain**" pada halaman 7 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Sekiranya anda ingin menulis kepada kami, sila alamatkan surat anda kepada:

Principal Asset Management Berhad
Pusat Khidmat Pelanggan
Aras Bawah Bangunan CIMB
Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

5.0. FAKTOR RISIKO

- 5.1. Maklumat di dalam “Risiko kecairan” di bawah bahagian “**Faktor risiko spesifik kepada Dana**” pada halaman 10 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Risiko kecairan di peringkat Dana

Dana dicipta untuk menuruti pergerakan prestasi Indeks Penanda Aras. Ia bermakna komposisi Dana secara umumnya adalah hampir serupa dengan Indeks Penanda Aras. Oleh kerana itu, pegangan Dana mungkin termasuk sekuriti tidak cair yang menjadi sebahagian daripada Indeks Penanda Aras. Jika terdapat penyesuaian semula yang ketara dalam Indeks Penanda Aras, Dana mungkin terkesan kerana ia perlu menyesuaikan pendedahannya terhadap sekuriti tidak cair. Keadaan ini mungkin menjadikan Dana lebih mudah terdedah kepada ketidaktentuan dan memerlukan lebih banyak masa untuk penyesuaian semula.

Risiko kecairan dikaitkan dengan Pemegang Unit

Walaupun Unit-unit disenaraikan di Bursa Securities, anda seharusnya menyedari bahawa mungkin tidak terdapat pasaran dagangan cair bagi Unit-unit, yang mungkin menjejaskan kemampuan Pemegang Unit untuk mendagangkan Unit-unit pada harga pasaran semasa. Tidak terdapat jaminan bahawa pasaran dagangan aktif akan berkembang. Bagaimanapun Peniaga Yang Menyertai yang juga bertindak sebagai penggerak pasaran dijangka akan mencipta kecairan untuk Unit-unit. Sekiranya berlaku kekurangan kecairan di bursa saham, Peniaga Yang Menyertai boleh mengambil bahagian dalam dagangan blok bagi menebus Unit-unit.

6.0. MAKLUMAT TERPERINCI MENGENAI DANA

- 6.1. Perenggan pertama di bawah bahagian “**Konstituen Indeks Penanda Aras**” pada halaman 19 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Terdapat 50 konstituen untuk FTSE China 50 Index. Setakat 31 Mac 2023, 10 konstituen teratas Indeks Penanda Aras dan wajaran yang diberikan kepada mereka oleh Indeks Penanda Aras adalah seperti berikut:-

No	Nama Syarikat	Wajaran (%)
1	Alibaba Group Holding (Cip P)	10.25%
2	Tencent Holdings (Cip P)	9.64%
3	Meituan Dianping (Cip P)	9.34%
4	China Construction Bank (H)	5.79%
5	JD.com (Cip P)	4.95%
6	Baidu (Cip P)	4.37%
7	Industrial and Commercial Bank of China (H)	4.24%
8	Ping An Insurance (H)	4.11%
9	NetEase (Cip P)	3.46%
10	Bank of China (H)	3.15%

Sumber: FTSE Russell setakat 31 Mac 2023

- 6.2. Maklumat di bawah bahagian “**Sekatan pelaburan**” pada halaman 23 and 24 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Sekatan pelaburan yang dikenakan ke atas Pengurus adalah seperti berikut:

- (i) Dana boleh melabur dalam unit-unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif lain (“Dana Sasaran”) dengan syarat pelaburan tersebut tidak boleh melebihi 20% dari NAB Dana berdasarkan kepada nilai terkini Aset Dana dan Dana Sasaran berkenaan perlu:
- (a) dikawal selia oleh pihak berkuasa mengawal selia;
 - (b) apabila Dana Sasaran dibentuk di Malaysia, dibenarkan atau diluluskan oleh SC;
 - (c) apabila Dana Sasaran dibentuk di luar Malaysia; dan
 - (1) ia didaftarkan, dibenarkan atau diluluskan oleh pihak berkuasa mengawal selia di bawah bidang kuasa negaranya;
 - (2) undang-undang dan amalan menyediakan tahap perlindungan kepada pelabur yang sekurang-kurangnya bersamaan dengan yang ditawarkan di Malaysia; dan

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

- (3) peraturan mengenai pelaburan, pinjaman dan pembiayaan adalah hampir serupa dengan syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan ETF.

Apabila Dana melabur di dalam Dana Sasaran dikendalikan oleh Pengurus atau syarikat sekutunya, Pengurus mesti memastikan bahawa:

- tiada pegangan bersilang di antara Dana dan Dana Sasaran;
- semua caj awal ke atas Dana Sasaran diketepikan; dan
- fi pengurusan mesti hanya dicaj sekali sahaja, sama ada pada Dana atau Dana Sasaran.

- (ii) Dana boleh melabur di dalam derivatif dengan syarat:

- (a) pendedahan global Dana daripada kedudukan derivatif mestilah tidak melebihi NAB Dana setiap masa;
- (b) pendedahan maksimum Dana di dalam transaksi derivatif yang didagangkan atas-kaunter ("OTC") dengan kaunterparti, dikira menggunakan kaedah di bawah tidak boleh melebihi 10% daripada NAB Dana;
- (c) pendedahan kepada aset sandaran derivatif tersebut tidak boleh melebihi wajaran untuk setiap aset tertentu, sama ada untuk strategi replikasi penuh atau persampelan;
- (d) kaunterparti bagi derivatif OTC mestilah merupakan institusi kewangan dengan penarafan kredit jangka panjang minimum gred pelaburan (termasuk pengelasan dan subkategori); dan
- (e) apabila instrumen sandaran derivatif tersebut adalah komoditi, maka derivatif tersebut mestilah diselesaikan secara tunai pada setiap masa.

Pengiraan pendedahan kepada derivatif OTC kaunterparti

- (a) Pendedahan kepada derivatif OTC kaunterparti mestilah dikira berdasarkan potensi kerugian maksimum yang mungkin ditanggung oleh Dana jika kaunterparti ingkar dan bukan berdasarkan nilai nosional derivatif OTC.
- (b) Pendedahan keseluruhan kepada satu kaunterparti dikira dengan menjumlahkan pendedahan yang timbul daripada semua transaksi derivatif OTC yang dilakukan dengan kaunterparti yang sama.

Pendedahan global Dana dikira berdasarkan yang berikut:

Pendekatan komitmen

Pendedahan global Dana kepada derivatif dikira sebagai jumlah:

- nilai mutlak pendedahan bagi setiap derivatif individu yang tidak terlibat dalam pengaturan penyelesaian atau lindung nilai;
- nilai mutlak pendedahan bersih bagi setiap derivatif individu selepas pengaturan penyelesaian atau lindung nilai; dan
- nilai sandaran tunai yang diterima selaras dengan:
 - (i) pengurangan pendedahan kepada derivatif OTC kaunterparti; dan
 - (ii) teknik pengurusan portfolio yang cekap berkaitan dengan pembiayaan sekuriti (jika berkenaan).

Pengaturan penyelesaian

Pengaturan penyelesaian boleh diambil kira untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada derivatif.

Dana mungkin mengambil kedudukan penyelesaian di antara:

- (a) derivatif dengan konstituen sandaran yang sama, walaupun tarikh matang adalah berbeza; atau
- (b) derivatif dan konstituen sandaran yang sama, jika konstituen sandaran tersebut adalah sekuriti boleh dipindah milik, instrumen pasaran wang, atau unit-unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif.

Pengaturan lindung nilai

Pengaturan lindung nilai boleh diambil kira untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada derivatif.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Nilai pasaran-ke-pasaran sekuriti boleh dipindah milik, instrumen pasaran wang, atau unit-unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif yang terlibat dengan pengaturan lindung nilai boleh diambil kira untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada derivatif.

Pengaturan lindung nilai mestilah:

- (a) tidak bertujuan untuk menjana pulangan;
- (b) menghasilkan pengurangan risiko secara keseluruhan yang boleh disahkan bagi Dana;
- (c) mengimbangi risiko umum dan khusus yang berkaitan dengan konstituen sandaran yang dilindung nilai;
- (d) berkaitan dengan kelas aset sama yang dilindung nilai; dan
- (e) mampu mencapai objektif lindung nilainya dalam semua keadaan pasaran.

(iii) Dana boleh membuat pelaburan dalam Pasaran Layak asing.

(iv) Dana tidak boleh meminjam tunai atau aset lain (termasuk pinjaman sekuriti menurut maksud Garis Panduan Pinjaman dan Pembiayaan Sekuriti yang dikeluarkan SC) berkaitan dengan aktiviti Dana. Bagaimanapun, Dana boleh meminjam atau mendapatkan tunai untuk tujuan memenuhi permintaan penebusan bagi Unit-unit dan untuk keperluan penyambung jangka pendek.

(v) Dana boleh mengambil bahagian di dalam pembiayaan sekuriti menurut maksud Garis Panduan Pinjaman dan Pembiayaan Sekuriti yang dikeluarkan SC. Bagaimanapun, setakat 31 Mei 2023, Dana tidak menyertai sebarang pembiayaan sekuriti.

(vi) Dana boleh menyertai sebarang bentuk pelaburan lain yang mungkin dibenarkan oleh SC dari semasa ke semasa yang sejajar dengan objektif Dana.

6.3. Maklumat di bawah bahagian “**Kemungkinan sekatan pelaburan**” pada halaman 24 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Berkaitan sebarang sekatan dan had kepada pelaburan yang ditetapkan pada Bahagian 3.6.2 di atas pada Prospektus ini, Garis Panduan ETF menetapkan bahawa sebarang keingkaran yang disebabkan oleh sebarang pengingkaran atau penyusutan nilai Aset Dana, penebusan unit-unit atau pembayaran yang dibuat daripada Dana, perubahan dalam modal perbadanan di mana Dana melabur di dalamnya atau penurunan taraf atau pemberhentian penarafan kredit tidak perlu dilaporkan kepada SC tetapi ia mesti diperbetulkan secepat yang boleh dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh keingkaran melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Garis Panduan ETF. Bagaimana tempoh tiga (3) bulan boleh dilanjutkan jika ia adalah demi kepentingan Pemegang Unit dan persetujuan Pemegang Amanah telah diperolehi. Lanjutan sebegini mestilah tertakluk kepada semakan sekurang-kurangnya setiap bulan oleh Pemegang Amanah.

6.4. Maklumat berikut telah ditambah kepada bahagian “**Strategi dan teknik pengurusan risiko**” pada halaman 25 dan dibaca seperti di bawah:

Pengurusan Risiko Kecairan

Dana menggunakan pakai rangka kerja pengurusan risiko kecairan yang menetapkan piawaian tadbir urus, metodologi dan proses untuk pengawasan dan pengurusan risiko kecairan. Rangka kerja menggariskan tanggungjawab untuk menilai dan memantau risiko kecairan Dana, dan untuk memastikan langkah yang sesuai telah diambil untuk mengurangkan risiko. Rangka kerja pengurusan risiko kecairan yang telah kami sediakan adalah seperti berikut:

- Semakan berkala oleh pengurus dana yang ditetapkan ke atas portfolio pelaburan Dana untuk mengekalkan profil kecairan yang sihat.
- Penilaian berkala dijalankan ke atas profil kecairan Dana (di bawah kedua-dua keadaan pasaran biasa dan tekanan) dan ke atas penumpuan pemegang Unit. Penilaian ini membolehkan Dana diuruskan secara proaktif untuk mengurangkan kebimbangan kecairan yang mungkin timbul dalam perjalanan biasa pengurusan portfolio serta berkaitan dengan keupayaan Dana untuk memenuhi sebarang permintaan penebusan.
- Penggantungan Unit kerana keadaan luar biasa cth. sebahagian besar nilai aset Dana tidak boleh ditentukan (dengan tepat). Tindakan untuk menggantungkan permintaan penebusan hanya akan dilaksanakan sebagai langkah terakhir oleh Pengurus. Dalam tempoh pengantungan, pembelian dan penjualan Unit akan dilarang.

7.0. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN DANA

7.1. Perkara (xvi) di bawah bahagian 4.3.3 pada halaman 30 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

kos, fi, dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penilaian dana dan perakaunan Dana yang dilakukan oleh agen penilaian dana;

7.2. Perkara (xvii) di bawah bahagian 4.3.3 pada halaman 31 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

imbuhan dan perbelanjaan tunai langsung untuk orang atau ahli jawatankuasa yang menjalankan fungsi pengawasan Dana, melainkan Pengurus memutuskan sebaliknya;

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

7.3. Maklumat di bawah bahagian **"Rebat dan komisen ringan"** pada halaman 31 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Pengurus dan Pemegang Amanah tidak akan menyimpan sebarang bentuk rebat daripada, atau sebaliknya berkongsi sebarang komisen dengan, mana-mana broker atau peniaga sebagai pertimbangan untuk urusan langsung di dalam pelaburan Dana. Oleh itu, sebarang rebat atau komisen dikongsi akan dimasukkan ke akaun Dana

Kami mungkin mengekalkan barangan dan perkhidmatan (komisen ringan) yang disediakan oleh mana-mana broker atau peniaga jika syarat berikut dipenuhi:

- (a) komisen ringan tersebut membawa manfaat atau kelebihan langsung kepada pengurusan Dana dan mungkin termasuk perkhidmatan berkaitan penyelidikan dan nasihat;
- (b) sebarang urusan dengan broker atau peniaga dilaksanakan mengikut terma yang paling menguntungkan Dana; dan
- (c) ketersediaan komisen lembut bukanlah satu-satunya atau tujuan utama untuk melaksanakan atau mengatur urusan niaga dengan broker atau peniaga berkenaan, dan Pengurus tidak akan memasuki dagangan yang tidak perlu untuk mencapai jumlah urusan niaga yang mencukupi untuk layak mendapat komisen lembut.

8.0. PENGURUS

8.1. Maklumat di bawah bahagian **"Ahli Lembaga Pengurus"** pada halaman 47 hingga 51 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

6.4 Ahli Lembaga Pengurus

Nama:	Cheong Wee Yee, Thomas
Umur:	55
Jawatan:	Pengarah Bukan-Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	1990 – Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), Kepujian Kelas Pertama, London School of Economics, University of London. 2013 – Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Olin Business School, Washington University in St. Louis.
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	Disember 2004 – Jun 2008: Prudential Corporation Asia – Ketua Pegawai Operasi & Ketua Pegawai Kewangan, CITIC Prudential Fund Management Co. Ltd. (berpengkalan di Shanghai) Jun 2008 – Mac 2009: Prudential Corporation Asia – Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, CITIC Prudential Fund Management Co. Ltd. (berpengkalan di Shanghai) April 2009 – September 2009: Prudential Corporation Asia – Ketua Pegawai Eksekutif, Prudential Fund Management Co. Ltd. (berpengkalan di Malaysia) Oktober 2009 – Julai 2013: Manulife Financial Limited – Timbalan Presiden, China Asset Management (berpengkalan di Shanghai) July 2013 – Disember 2014 Manulife Financial Limited – Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, Manulife Asset Management Co. Ltd. (Taiwan) Januari 2015 – Februari 2017 Principal Financial Group – Timbalan Presiden, Ketua Asia Utara Mac 2017 – Februari 2019 Principal Financial Group – Timbalan Presiden Kanan, Ketua Asia Utara Mac 2019 – Disember 2020 Principal Financial Group – Timbalan Presiden Kanan & Presiden Asia

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

	<p>Januari 2021 – Semasa</p> <p>Principal Financial Group – Timbalan Presiden Eksekutif & Presiden Asia Pasifik & Timur Tengah</p>
Nama:	Lai Mee Fong
Umur:	49
Jawatan:	Pengarah Bukan-Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	<p>Akauntan Berkanun (CA) berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA)</p> <p>Pengamal Akauntan Bertauliah dari CPA Australia.</p> <p>Ijazah Sarjana Muda (Perakaunan), RMIT University, Melbourne, Australia.</p>
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	<p>Mee Fong merupakan Pengarah Urusan di CIMB Bank dan memegang peranan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) di CIMB Digital Assets Sdn Bhd, di mana beliau bertanggungjawab terhadap perancangan dan pengurusan kewangan secara keseluruhan bagi semua pelaburan strategik digital Kumpulan CIMB, termasuk francais Touch 'n Go dan operasi bank digital di Filipina dan Vietnam.</p> <p>Terbaharu, beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Perancang Perniagaan dan Analisis di Kumpulan Usaha Niaga dan Rakan Kongsi di Kumpulan CIMB, di mana beliau bertanggungjawab terhadap perancangan perniagaan dan kewangan, pengurusan risiko dan pematuhan bagi perniagaan pengurusan aset dan pelaburan di pasaran awam dan swasta secara menyeluruh, termasuk perniagaan pengurusan aset serantau Kumpulan, perniagaan pengurusan dana ekuiti swasta dan portfolio pelaburan ekuiti Kumpulan.</p> <p>Sebelum itu, Mee Fong bertanggungjawab terhadap perancangan perniagaan dan fungsi kewangan di dalam Strategi Kumpulan dan Pelaburan Strategik Kumpulan, yang bertanggungjawab ke atas perniagaan ekuiti swasta Kumpulan dan portfolio pelaburan ekuiti lain.</p> <p>Sebelum menyertai Kumpulan CIMB pada tahun 2012, Mee Fong berkhidmat secara profesional di firma PricewaterhouseCoopers di mana beliau telah menjalankan pelbagai tugas jaminan dan perundingan yang merangkumi segmen seperti bank tempatan, bank luar pesisir, syarikat pengurusan aset, dana amanah unit, syarikat minyak dan gas, syarikat pembuatan dan perkhidmatan, untuk kedua-dua syarikat korporat tempatan dan syarikat multinasional. Beliau juga berpeluang bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dalam pengaturan peminjaman tugas, di mana beliau bertanggungjawab terhadap pemeriksaan syarikat pengurusan aset selaras dengan Akta Industri Sekuriti 1983. Kerjaya profesionalnya berkembang dalam ruang ekuiti swasta apabila beliau menerima jawatan sebagai Timbalan Presiden kewangan di salah satu pengurus dana ekuiti swasta terbesar di Asia Tenggara, iaitu Tael Partners, dengan dana di bawah pengurusan melebihi USD1 bilion. Dalam peranan khusus tersebut, beliau memperoleh pemahaman kewangan dalam struktur urus niaga, model penilaian, strategi pelaburan dan penarikan keluar.</p> <p>Mee Fong berkhidmat dalam lembaga pengarah Capital Advisors Partners dan dua syarikat Rakan Kongsi Awam lain. Beliau juga merupakan ahli aktif dalam Jawatankuasa Pelaburan dua dana infrastruktur, iaitu Capasia Islamic Infrastructure Fund LP dan Capasia ASEAN Infrastructure Fund LP, yang menguruskan aset di seluruh Asia termasuk Malaysia, Indonesia, Pakistan, Filipina, dan Vietnam.</p>
Nama:	Uday Jayaram
Umur:	55
Jawatan:	Pengarah Eksekutif Bukan-Bebas
Kelayakan:	<p>Uday memiliki Ijazah BSc Ekonomi dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan London School of Economics dan merupakan Akauntan Berkanun dengan Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).</p>
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	<p>Uday membawa pengalaman kumulatif selama 30 tahun di bidang audit, perundingan pengurusan, penyelidikan ekuiti, jualan institusi, pasaran modal, perniagaan bursa saham serta industri hulu minyak dan gas. Beliau memulakan kerjayanya dengan kumpulan institusi kewangan di dalam bahagian audit Ernst and Young, London. Selain beberapa pelanggan global seperti HSBC, Kumpulan ABB dan IKEA, Uday berpeluang menimba pengalaman dalam projek bagi Bank Dunia yang termasuk penstrukturan semula bank di</p>

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

	Kazakhstan. Sekembalinya ke Malaysia, pengalaman penyelidikan ekuiti dan jualan Uday menyaksikan dia menyertai Deutsche Morgan Grenfell, CIMB Bank, ING Financial Markets dan Macquarie Capital Securities di mana beliau adalah Pengarah Bahagian dan Ketua Ekuiti Perniagaan Malaysia. Berpindah ke Bursa Securities, Uday menjadi Ketua Global Pasaran Sekuriti dengan tanggungjawab menyeluruh bagi pembangunan perniagaan ekuiti tunai bursa tersebut. Uday juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Peserta Pasaran Bursa dan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Indeks FTSE Bursa. Sebelum menyertai Principal Malaysia, Uday adalah Timbalan Presiden Kanan Pembangunan Korporat di Hibiscus Petroleum Bhd di mana beliau terlibat dalam strategi korporat, perancangan perniagaan, pembiayaan hutang dan ekuiti serta hubungan pelabur.
--	---

Nama:	Munirah Khairuddin
Umur:	48
Jawatan:	Pengarah Eksekutif Bukan-Bebas
Kelayakan:	Munirah merupakan pemegang carter Penganalisis Kewangan Bertauliah dan memiliki Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan dana. Beliau adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Perakaunan & Analisis Kewangan, University of Newcastle Upon Tyne UK. Beliau juga mengikuti Program Kepimpinan CIMB-INSEAD dan University of Wharton Executive Education.
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	<p>Munirah menyertai Principal Malaysia pada November 2006 dan dilantik sebagai Timbalan CEO pada November 2008. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Prinsipal Malaysia sejak 31 Januari 2012. Terdahulu, beliau pernah bertugas sebagai Pakar Ekonomi G7 dan ahli strategi untuk syarikat multinasional minyak dan gas Fortune 500. Sebelum itu, beliau merupakan pengurus portfolio pendapatan tetap untuk pasaran baharu di Rothschild Asset Management di London.</p> <p>Selain daripada peranan sebagai pengurusan kanan, beliau memainkan peranan penting membantu syarikat mengembangkan aset di bawah pengurusan, untuk perniagaan runcit, Institusi dan Korporat. Dalam peruncitan, beliau telah meningkatkan pegangan pasaran dan kepimpinan syarikat dengan fokus baru dan kejayaan dalam perniagaan digital, pendedaran perbankan untuk orang awam dan individu berpendapatan tinggi serta pendedaran agensi. Dalam persaraan, beliau telah memberikan sumbangan besar dalam membentuk dan memperluaskan skim persaraan sukarela melalui Skim Persaraan Persendirian (PRS) dan sumbangan pengurusan pelaburan yang mendalam kepada pelanggan Institusi. Dalam sudut Korporat, beliau telah mengembangkan dengan ketara perniagaan pengurusan pelaburan dengan rangkaian pelanggan seperti Insurans, pelanggan perbandharaan korporat serta syarikat-syarikat bersaiz sederhana. Di bawah kepimpinannya, syarikat juga telah mengambil alih satu pangkalan pelanggan antarabangsa khas, ETF disenaraikan di Malaysia dan Singapura, membangunkan produk untuk pendedaran serantau dan memimpin usaha ESG dan kelestarian dalam pengurusan pelaburan.</p> <p>Munirah telah dinamakan sebagai CEO of the Year, Malaysia untuk Asia Asset Management's 2015 Best of the Best Awards bagi tahun kedua berturut-turut. Beliau juga telah dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah "Top 25 Women of Asset Management" oleh AsianInvestor pada 2014.</p> <p>Munirah kini merupakan ahli Lembaga Pengarah Principal Investment and Retirement Services Limited di Hong Kong dan berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Jawatankuasa Majlis Pelabur Institusi Malaysia dan bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Pengurus Aset Malaysia ("MAAM").</p>

Nama:	Mohd Haniz bin Mohd Nazlan
Umur:	40
Jawatan:	Pengarah Bukan-Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	<p>2006 - Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Aktuari, London School of Economics and Political Science.</p> <p>2008 - Ijazah Sarjana dan Diploma Pasca Siswazah dalam Pelaburan & Kewangan Gunaan, kedua-duanya dari Financial Services Institute of Australasia.</p>

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

	<p>2009 - Certified Financial Technician (CFTe), International Federation of Technical Analysts (IFTA).</p> <p>2009 - Diploma dalam Analis Teknikal, Australian Technical Analysts Association.</p> <p>2016 - Program untuk Pembangunan Kepimpinan, Harvard Business School.</p>
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	<p>Haniz adalah Pegawai Strategi Kumpulan di CIMB Bank, di mana beliau menguruskan Strategi Kumpulan, Pengurusan Prestasi dan Program, Pengalaman Pelanggan Kumpulan, Transformasi Pengalaman Pelanggan, Kewangan Korporat dan Pengurusan Pelaburan Kumpulan, serta Pejabat Ketua Eksekutif Kumpulan.</p> <p>Haniz berpengalaman lebih daripada 15 tahun dalam bidang strategi korporat, kewangan korporat, penggabungan dan pengambilalihan, pengurusan projek, portfolio dan pengurusan aset, ekuiti global, dan pelaburan hartanah.</p> <p>Sebelum menyertai CIMB Bank pada April 2021, Haniz adalah Ketua Pegawai Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") dari Ogos 2019 di mana beliau bertanggungjawab ke atas semua fungsi pelaburan dan aktiviti dalam pengurusan portfolio pelaburan LTAT. Beliau memainkan peranan penting dalam merancang pelan pemuliharaan LTAT. Ini termasuk pelaksanaan pelan penstrukturan portfolio pelaburan, penyusunan semula pasukan pelaburan serta memperkasakan dasar dan proses pelaburan utama, salah satunya termasuk penubuhan Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik ("SAA") Jangka Panjang LTAT.</p> <p>Sebelum LTAT, Haniz menghabiskan sebahagian besar kerjayanya di Permodalan Nasional Berhad (PNB). Beliau berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di PNB, termasuk peranan penting di Pejabat Ketua Eksekutif Kumpulan, Jabatan Antarabangsa, Jabatan Peruntukan Aset Strategik dan Bahagian Pelaburan. Beliau memainkan peranan penting dalam memacu penubuhan Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik dan Pendapatan Tetap PNB, merancang model operasi global baru PNB, memperluas dana unit amanah PNB ke pasaran global, dan memimpin transaksi penggabungan dan pengambilalihan utama bagi Kumpulan PNB, sama ada di peringkat tempatan atau luar negara.</p>

Nama:	Wong Joon Hian
Umur:	74
Jawatan:	Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan ahli felo Institute of Chartered Accountants di England dan Wales.
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	<p>Merupakan Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif Principal Malaysia sejak 22 Ogos 2007.</p> <p>Beliau berpengalaman lebih 40 tahun dalam pengauditan, perakaunan, perkhidmatan kewangan dan pengurusan korporat. Beliau memulakan kerjayanya apabila menyertai Price Waterhouse & Co. di England selepas mendapat kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah pada 1973. Beliau kembali ke Malaysia pada 1975 untuk berkhidmat dengan Price Waterhouse (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers PLT), Malaysia sehingga 1985. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pengurus Teknikal Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dari 1986 sehingga beliau dilantik sebagai Pengurus Besar – Operasi di Supreme Finance (Malaysia) Berhad pada Disember 1987. Selepas Mayban Finance Berhad menyelesaikan pengambilalihan Supreme Finance (Malaysia) Berhad pada 1991, beliau menyertai BDO Binder sebagai Prinsipal Audit sehingga 1994 apabila beliau menyertai Advance Synergy Berhad. Beliau dilantik sebagai pengarah urusan United Merchant Group Berhad (kini dikenali sebagai Advance Synergy Capital Sdn Bhd) pada 1995 hingga 2020. Sepanjang tempoh dari 1995 hingga 2007, beliau adalah pengarah Ban Hin Lee Bank Berhad, Southern Investment Bank Berhad dan United Merchant Finance Berhad. Buat masa ini, beliau merupakan pengarah bukan-eksekutif di dalam beberapa syarikat dewan di bawah Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad dan berkhidmat sebagai pengarah bebas bukan-eksekutif Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd.</p>

Nama:	Tan Sri Dato' Jaganath Derek Steven Sabapathy
Umur:	66
Jawatan:	Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

Kelayakan:	Ijazah Sarjana Sastera pengkhususan dalam Kewangan Korporat dan Dagangan Antarabangsa dari Edinburgh University, United Kingdom.
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	<p>Selepas graduasi pada 1981, Dato' Jaganath Derek Steven Sabapathy ("Dato' Jagan") menyertai firma akauntan bertauliah terkemuka London, Price Waterhouse.</p> <p>Dato' Jagan meninggalkan KPMG Malaysia pada akhir 1994 dan menyertai Benta Plantation Berhad sebagai Pengarah Eksekutif. Beliau dilantik sebagai Pengarah Austral Lao Power Co Ltd pada tahun 1995. Pada tahun 1997, beliau menjadi Pengarah Urusan kedua-dua Prime Utilities Berhad dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd, utiliti air kumbahan negara yang telah dikorporatkan di Malaysia. Dari tahun 1999 sehingga persaraannya pada akhir 2013, Dato' Jagan berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Kumpulan Bandar Raya Developments Berhad, termasuk syarikat disenarai Misco Chipboard Berhad. Dato' Jagan kini merupakan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Tribeca Real Estate Asset Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pembangunan hartanah khusus. Beliau juga merupakan Pengarah syarikat awam lain yang disenaraikan di Bursa Malaysia.</p>

Nama:	Liew Swee Lin
Umur:	54
Jawatan:	Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif
Kelayakan:	Beliau memiliki Ijazah Sarjana (MSc) dalam Pemasaran Antarabangsa dari Universiti Strathclyde dan telah menyelesaikan Program Eksekutif Stanford di Stanford Graduate School of Business pada tahun 2017. Beliau adalah ahli Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM), Institut Pengarah Singapura, dan Gabungan Pengarah Korporat Malaysia (MACD).
Pengalaman, fungsi dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di Principal Malaysia:	<p>Swee Lin merupakan seorang eksekutif bertaraf lembaga pengarah kanan dengan pengalaman pengurusan lebih dari 29 tahun di rantau ASEAN, mencipta nilai pemegang saham dalam sektor media, perkhidmatan kewangan, dan e-dagang. Sejak 2007, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di entiti perkhidmatan kewangan dan media di Malaysia.</p> <p>Buat masa ini, beliau merupakan Penasihat Luar kepada Bain & Company, sebuah firma perunding global, dan sebelum ini berkhidmat dengan Astro Malaysia Holdings Berhad, syarikat media pengguna terkemuka di ASEAN sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Eksekutif Astro Go Shop, usaha sama dengan GS Home Shopping Inc. Korea setelah beliau menerajui perluasan vertikal Astro ke dalam e-dagang di mana beliau telah menubuhkannya sebagai pasukan pengurusan perintis pada tahun 2015.</p> <p>Sebelum menyertai Astro, Swee Lin merupakan Timbalan Presiden Eksekutif di Perbankan Runcit Alliance Financial Group di Malaysia dan juga Pengarah Eksekutif Alliance Islamic Bank. Beliau juga pernah memegang jawatan kepimpinan kanan di Standard Chartered Bank dengan tanggungjawab ke atas Portofolio Pengurusan Kekayaan, Perbankan Keutamaan, Kad Kredit, dan Pinjaman Peribadi. Pada awal kerjayanya, beliau mendapat pendedahan industri pelbagai disiplin dalam FMCG, insurans, makanan dan minuman, dan farmaseutikal apabila beliau menjadi ketua perniagaan serantau di Ogilvy One Worldwide, sebahagian daripada WPP PLC (FTSE 100), yang beroperasi di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan Asia Pasifik.</p> <p>Sebagai pejuang tegar keusahawanan, beliau adalah sebahagian daripada rangkaian mentor Global Endeavor Inc., dengan kehadiran di 40 negara, yang bertujuan memacu keusahawanan global dengan mengamalkan pertumbuhan ekonomi melalui mentor aktif.</p>

9.0. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

9.1. Simbol titik tandaan ke-enam belas di bawah bahagian "**Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan**" pada halaman 60 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

- kos, fi, dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penilaian dana dan perakaunan Dana yang dilakukan oleh agen penilaian dana;

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

9.2. Simbol titik tandaan ke-tujuh belas di bawah bahagian “**Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan**” pada halaman 60 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

- imbuhan dan perbelanjaan tunai langsung untuk orang atau ahli jawatankuasa yang menjalankan fungsi pengawasan Dana, melainkan Pengurus memutuskan sebaliknya;

9.3. Maklumat berikut telah ditambah kepada bahagian “**Penamatan Dana**” pada halaman 63 dan dibaca seperti di bawah:

8.7.3 Tanpa mengambil kira perkara di atas dan tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan di bawah, Dana boleh ditamatkan atau dibubarkan, tanpa perlu mendapatkan kelulusan daripada pemegang Unit terlebih dahulu, seperti yang dicadangkan oleh Pengurus dengan persetujuan Pemegang Amanah (yang mana persetujuan tersebut tidak boleh ditahan secara tidak wajar) apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut, dengan memberikan notis bertulis kepada pemegang Unit selaras dengan Garis Panduan ETF dan keperluan SC (i) jika ada undang-undang diluluskan yang melarangnya atau (ii) jika menurut pendapat wajar Pengurus ia tidak dapat dilaksanakan atau tidak bijak untuk meneruskan Dana dan penamatan Dana adalah demi kepentingan terbaik pemegang Unit.

9.4. Maklumat di bawah bahagian 8.8.4 pada halaman 63 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Notis adalah dalam bentuk surat pekeliling dan akan menyatakan tempat, waktu mesyuarat, gambaran am urusan yang akan dilaksanakan dan terma-terma sebarang resolusi yang dicadangkan hendaklah menentukan tempat, masa mesyuarat, kegiatan am yang akan dijalankan dan terma apa-apa resolusi yang akan dicadangkan. Salinan notis hendaklah dihantar kepada Pemegang Amanah melainkan jika mesyuarat tersebut diadakan oleh Pemegang Amanah dan salinan notis tersebut juga hendaklah dihantar kepada SC. Pengurus atau Pemegang Amanah dikehendaki menerbitkan iklan yang memberi notis mengenai mesyuarat Pemegang Unit dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan di seluruh negara. Mesyuarat pemegang Unit hendaklah diadakan tidak lewat daripada dua (2) bulan selepas notis diberikan di tempat dan masa yang ditentukan dalam notis dan iklan. Pengabaian secara tidak sengaja untuk memberikan notis kepada atau notis tidak diterima oleh mana-mana pemegang Unit tidak akan membatalkan prosiding di mana-mana mesyuarat.

9.5. Maklumat di bawah bahagian 8.8.5 pada halaman 63 and 64 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Kuorum yang diperlukan bagi mesyuarat pemegang Unit adalah lima (5) pemegang Unit, sama ada hadir secara peribadi atau melalui proksi; namun, jika Dana memiliki lima (5) atau kurang pemegang Unit, kuorum yang diperlukan bagi mesyuarat pemegang Unit hendaklah dua (2) pemegang Unit, sama ada hadir secara peribadi atau melalui proksi.

Jika mesyuarat telah diadakan untuk tujuan mengundi atas Resolusi Khas, pemegang Unit yang hadir secara peribadi atau melalui proksi perlu memegang sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) daripada Unit Dana dalam edaran, pada waktu mesyuarat.

Jika Dana hanya memiliki satu (1) pemegang Unit yang tinggal, pemegang Unit tersebut, sama ada hadir secara peribadi atau melalui proksi, akan membentuk kuorum yang diperlukan bagi mesyuarat pemegang Unit.

10.0. URUS NIAGA PIHAK BERKAIT/PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

10.1. Maklumat di bawah bahagian “**Kepentingan pengarah dan pemegang saham utama kepada Pengurus**” pada halaman 67 telah dipadam sepenuhnya.

11.0. MAKLUMAT TAMBAHAN

11.1. Maklumat di bawah bahagian “**Khidmat Pelabur**” pada halaman 73 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Anda seharusnya membaca dan memahami kandungan Prospektus dan jika perlu, merujuk kepada penasihat profesional anda.

Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di bawah bahagian “Direktori Korporat” atau e-mel kami di service@principal.com.my. Pusat Khidmat Pelanggan kami dibuka dari 8:45 a.m. hingga 5:45 p.m. (waktu Malaysia) pada hari Isnin hingga Jumaat.

Sekiranya anda ingin menulis kepada kami, sila alamatkan surat anda kepada:

Principal Asset Management Berhad
Pusat Khidmat Pelanggan
Araas Bawah Bangunan CIMB
Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS

11.2. Item (i) di bawah bahagian “**Perjanjian Material**” pada halaman 74 telah diganti dan dibaca seperti di bawah:

Surat Ikatan (merangkumi surat ikatan induk bertarikh 19 April 2010, surat ikatan tambahan pertama bertarikh 8 Disember 2020, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 30 Julai 2014, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 2 Ogos 2019 dan surat ikatan tambahan keempat bertarikh 31 Mei 2023, kesemuanya dimeterai di antara Pengurus dan Pemegang Amanah). Fi yang perlu dibayar kepada Pemegang Amanah dan Pengurus dinyatakan pada Bahagian 1.2(ii) dan 4.2 Prospektus ini;

This page has been left blank intentionally

This page has been left blank intentionally

This page has been left blank intentionally